

05 MAY 2003

DR MAHATHIR PECAH TANAH BANGUNAN UMNO 16 MEI INI

KOTA KINABALU, 5 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan upacara pecah tanah tapak pembinaan bangunan Umno negeri di Karamuning di sini pada 16 Mei ini.

Ketua Penerangan Umno Sabah, Datuk Abdul Rahim Ismail berkata Presiden Umno itu dijadualkan merasmikan acara berkenaan pada kira-kira pukul 3 petang. Tapak berkenaan terletak bersebelahan bangunan Bank Simpanan Nasional.

"Orang ramai khususnya ahli-ahli Umno dijemput hadir untuk menyaksikan majlis itu yang akan berlangsung dalam suasana penuh warna-warni," katanya dalam kenyataan di sini.

Abdul Rahim berkata kira-kira 10,000 orang dijangka akan menghadiri majlis berkenaan.

Selain majlis itu, Dr Mahathir yang dijadual tiba di Sabah pada 15 Mei turut akan merasmikan Kongres Kelapan Parti Bersatu Rakyat Sabah di Dewan Masyarakat Keningau, 140km dari sini.

-- BERNAMA

JS MOZ